

NO SOALAN : 28

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK
SUH SIM
(SEPUTEH)**

**TARIKH : 16.3.2015
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah peranan Malaysia dalam perang seluruh dunia terhadap ISIL. Apakah Malaysia akan menghantar anggota askar dan senjata untuk menyertai usaha masyarakat antarabangsa untuk memerangi ISIL di Iraq dan/atau Syria.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sememangnya memantau semua bentuk ancaman yang boleh memberikan kesan langsung atau tidak langsung ke atas keselamatan negara termasuklah dari kumpulan militan/ penganas seperti *Islamic State of Iraq and the Levant (ISIL)* atau *Islamic State (IS)*. Ini kerana ia berupaya memberikan impak yang besar kepada keselamatan dunia amnya dan negara khususnya. Kekejaman dan perbuatan yang tidak berperikemanusiaan yang dilakukan oleh IS tidak dapat diterima sama sekali.

Melalui pembentangan kertas putih di Sidang Parlimen Ke-13 pada 26 November 2014, kerajaan secara tegas menolak sebarang gerakan perjuangan IS. Peranan kerajaan adalah berdiri teguh bersama-sama dengan masyarakat antarabangsa untuk menentang IS, selaras dengan resolusi dan pendirian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Dalam keghairahan sebilangan negara-negara antarabangsa untuk bertindak langsung ke atas IS, kerajaan lebih memberi fokus kepada rakyat tempatan yang cenderung terhadap pengaruh IS di dalam dan luar Negara.